

# KENYATAAN MEDIA

## **PBRs BN**

- Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) telah mengadakan mesyuaratnya pada petang ini. Kini Barisan Nasional terdiri dari gabungan empat parti politik tanah air terdiri daripada UMNO, MCA, MIC dan PBRs.

## **MP BN SOKONG PM**

- BN adalah kelompok terbesar dengan 43 kerusi Parlimen yang telah memberi sokongan kepada Ahli Parlimen Pagoh, YAB Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin untuk dilantik sebagai Perdana Menteri ke-8 yang seterusnya membentuk Kabinet Kerajaan Malaysia yang baru yang kini dikenali sebagai Kerajaan Perikatan Nasional (PN).
- Mesyuarat Dewan Tertinggi BN pada hari ini sebulat suara membuat ketetapan berikut:-
  - BN terus memberi sokongan dan kepercayaan tidak berbelah bahagi terhadap kepimpinan Ahli Parlimen Pagoh, YAB Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri Ke-8.

- BN terus menyokong dan mendokong Kerajaan Perikatan Nasional pimpinan Perdana Menteri.
- Berhubung pendaftaran PN secara formal sebagai sebuah parti seperti yang dicadangkan, BN berpandangan BN perlu melalui proses tertentu dalam parti komponen masing-masing.
- Sekiranya terdapat usul tidak percaya di Parlimen, ketetapan dibuat supaya semua Ahli Parlimen BN akan mengundi secara en-bloc, menyokong Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri.

#### **MENTERI BESAR PAHANG SEBAGAI PENGARAH PRK DUN CHINI**

- YAB Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri Besar Pahang selaku Pengerusi BN Negeri & Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang adalah sebagai Pengarah Pilihanraya PRK DUN (N23) Chini.

#### **PELANTIKAN KETUA WHIP BARISAN NASIONAL**

- Dewan Tertinggi Barisan Nasional juga telah sebulat suara untuk melantik Pengerusi Barisan Nasional iaitu Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (Ahli Parlimen Bagan Datuk) sebagai Ketua Whip Barisan Nasional di Dewan Rakyat.

- Ketua Whip Barisan Nasional ini akan menyelaraskan urusan-urusan berkaitan hal-ehwal Dewan Rakyat dikalangan Ahli Parlimen Barisan Nasional dengan pihak kerajaan.

### **PELANTIKAN TAN SRI NOH OMAR SEBAGAI Pengerusi BN SELANGOR**

- Mesyuarat Dewan Tertinggi bersetuju melantik Yang Berhormat Tan Sri Noh bin Omar sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Barisan Nasional Negeri Selangor (Pengerusi BN Selangor), berkuatkuasa daripada tarikh **12hb Mei 2020**.

### **PELANTIKAN Pengerusi BN PARLIMEN**

- Mesyuarat telah membuat pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Barisan Nasional Bahagian-Bahagian (Pengerusi BN Parlimen) di semua negeri kecuali Sarawak. Ini adalah melibatkan 191 parlimen daripada keseluruhan 222 parlimen yang ada di Malaysia.

**YB TAN SRI TPr HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA**

**SETIASUAHA AGUNG BARISAN NASIONAL**

**14 MEI 2020**